

03/05/2002

Wakil Pas 'gedebe' pada sidang DUN

Noor Jaafar

PADA setiap persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, wakil rakyat Pas pasti akan menggunakan sepenuhnya kesempatan untuk menghentam, memfitnah dan memaki-hamun pemimpin Umno.

Tindakan mereka itu seolah-olah mahu membalas dendam kerana begitu lama menjadi pembangkang.

Mereka bertindak sedemikian seolah-olah mahu menunjukkan kejaguan dan kehebatan di depan pemerhati sendiri, terutama pelajar yang memerhatikan saja gelagat tidak cerdas beberapa pemimpin parti kerajaan.

Selama empat hari persidangan penggal keempat DUN Ke-10, yang dirasmikan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, baru-baru ini, beberapa perkataan kesat keluar daripada mulut pemimpin Pas yang mendakwa diri mereka memperjuangkan Islam.

Apa yang paling sedih apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (Pas-Batu Rakit), Abu Bakar Chik, begitu lantang menuduh bekas Ahli Parlimen Machang, Datuk Shukri Mohamad, sebagai kafir.

Bukan itu saja, malah Abu Bakar menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai kroni Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon.

Abu Bakar juga menyamakan wakil rakyat Umno yang menjadi pembangkang di dewan itu sebagai Yahudi kerana mendakwa mengkritik kebenaran, termasuk cadangan kerajaan Pas negeri melaksanakan Enakmen Jenayah Syariah (hudud dan qisas).

Ahli Exco negeri itu juga tergamak menuduh Shukri sebagai kafir kerana mendakwa pemimpin Umno Kelantan itu menganggap hukum hudud sebagai zalim sedangkan Shukri mendakwa hanya hudud Pas yang zalim, bukan hudud Allah.

Kita tidak tahu setinggi mana kelulusan dan pendidikan Abu Bakar sehingga berani menuduh Shukri sebagai kafir.

Bukan itu saja, Abu Bakar juga melafazkan perkataan 'bacul' terhadap Datuk Abdul Rashid Ngah (BN-Seberang Takir).

Pemerhati turut sedih dengan perkara itu kerana ada orang yang mendakwa memperjuangkan Islam sanggup menuduh orang Islam lain sebagai kafir.

Tindakan beberapa pemimpin Pas yang panas baran atau dalam istilah Kelantan gedebe, menghangatkan persidangan dewan. Mujur pemimpin Umno lebih cerdas dan banyak bersabar.

Selain Abu Bakar, pemimpin Pas yang panas baran dan sering mengeluarkan kata kesat terhadap wakil BN pada setiap persidangan ialah Harun Taib (Pas-Manir), Tun Salleh Abas (Pas-Jertih) dan Satiful Bahari Mamat (Pas-Paka).

Mustafa Ali (Pas-Pangkalan Berangan) pula menuduh Tengku Putera Awang (BN-Telemung) melakukan penyelewengan dan dicabar mengemukakan bukti.

Gelagat pemimpin Pas itu boleh juga disamakan dengan tindakan Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) yang berdendam dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang sebelum ini menguasai dewan dan balai raya.

Penyokong Pas yang sebelum ini tidak dilantik menduduki jawatankuasa masjid, kini begitu ghairah menguasai dan bertindak untuk menyingkir orang Umno.

Sehingga sekarang, masalah melantik jawatankuasa di beberapa masjid belum selesai sehingga ada yang sanggup memulaukan sembahyang Jumaat apabila berimamkan orang Umno.

Tindakan kerajaan negeri mengemukakan kertas draf cadangan Enakmen Jenayah Syariah (hudud dan qisas) juga dipertikaikan kerana bimbang dan

dianggap hanya untuk `tunjuk lawa' sedangkan persediaan sebenar belum dilakukan, termasuk tidak mempunyai mahkamah dan hakim syariah secukupnya untuk membicarakan kes berkaitan hudud, qisas dan takzir.

Titah ucapan Sultan Mizan turut dipertikaikan kerana didakwa terlalu ringkas, tidak ada perkara baru yang diperkatakan, bahkan hanya perkara lama yang dibangkitkan.

Sultan Terengganu turut meminta kerajaan negeri mencari alternatif lain dalam usaha memajukan negeri kerana kekangan kewangan.

(END)